

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Menangkis Dengki, Membenam Dendam

19 Julai 2024M/ 13 Muharram 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْأَحَدِ الصَّمَدِ، حَرَّمَ الظُّلْمَ وَالْجَوْرَ وَالْبَغْيَ وَالْحَسَدَ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، عَقِيدَةً رَاسِخَةً وَيَا حُسْنُهَا مِنْ مُعْتَقِدٍ. وَكَلِمَةً بَاقِيَةً فِي الْعَقِبِ وَالْوَلَدِ، وَشَهَادَةً صَادِقَةً مِنْ إِسْتَوْفَى شُرُوطَهَا فَلِنَفْسِهِ مَهَّدَ.

وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَّنَا وَسَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، مَنْ أَطَاعَهُ فَقَدْ رَشَدَ، وَمَنْ عَصَاهُ فَيَا بُؤْسَ مَا قَصَدَ.

صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ مَا سَجَدَ سَاجِدٌ لِمَوْلَاهُ وَاجْتَهَدَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ; اتَّقُوا اللَّهَ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripada-Nya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Sesuai dengan realiti dalam masyarakat kita pada masa kini, mimbar pada hari ini akan



membicarakan khutbah yang bertajuk: **Menangkis Dengki, Membenam Dendam.**

HADIRIN SEKALIAN,

Hasad dengki merupakan sesuatu perasaan tidak senang hati atas nikmat, kesenangan atau kelebihan yang diberikan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada orang lain. Hasad dengki juga merupakan salah satu daripada penyakit rohani yang sangat besar kepada institusi keluarga, masyarakat mahupun negara.

Sifat hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah, keluarga, teman atau sesiapa sahaja. Ia juga menjadi antara penyebab utama retak nilai silaturrahim dan keharmonian dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

Imam Al-Ghazali **رَحْمَةُ اللَّهِ** menyenaraikan tiga tahap utama orang yang mempunyai sifat hasad dengki:

Tahap Pertama: Mengharapkan agar segala nikmat yang dianugerahkan kepada orang lain hilang serta mengharapkan supaya kenikmatan itu diberikan kepadanya.

Tahap Kedua: Mengharapkan agar kelebihan yang dimiliki seseorang itu lenyap walaupun dia sendiri tidak dapat memilikinya.

Tahap ketiga: Merasa sangat tidak senang hati apabila orang lain diberikan kelebihan walaupun dia tidak mampu untuk menjatuhkannya.

Tahap Keempat: Walaupun dia tidak mendapat sesuatu perkara yang diingini, dia tidak mengharapkan perkara itu hilang dari orang lain.



Benar kata Saidina Muawwiyah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ:

كُلُّ النَّاسِ أَقْدِرُ عَلَى رِضَاهُ، إِلَّا حَاسِدٌ نِعْمَةٍ، فَإِنَّهُ لَا يُرِضِيهِ إِلَّا زَوَالَهَا

Maksudnya: “Setiap insan akan redha apabila dikurniakan nikmat kecuali orang yang dengki, dia hanya akan redha apabila nikmat itu hilang daripada orang yang dikurniakannya.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Seseorang yang berpenyakit hasad dengki sentiasa resah dan tidak senang melihat apa yang dimiliki oleh orang lain. Perasaan ini lama kelamaan akan menjadi lebih agresif sehingga sanggup melakukan apa sahaja asalkan keinginan jahatnya itu akan terlaksana. Situasi ini yang mendorong berlakunya fitnah, mereka-reka cerita, mengumpat, memaki dan sebagainya. Tiada lain tujuannya melainkan memburuk-burukkan orang yang didengki.

Demikian keadaan iblis yang resah gelisah melihat kebahagiaan Adam عَلَيْهِ السَّلَامُ di dalam syurga sedang dia terbuang, hina dan menderita. Tambah membara api dendam iblis, apabila dia dilaknat Ilahi sedang Adam dianugerahkan mahkota hamba yang dirahmati.

Kadangkala sifat hasad akan lebih parah lagi apabila ada yang sanggup mendatangi tukang sihir semata-mata untuk menjatuhkan orang yang didengkinya. Disihir sehingga mangsanya jatuh sakit malah ada juga sehingga membawa maut.



Realitinya perkara ini seringkali berlaku di dalam dunia perniagaan, pekerjaan dan persahabatan. Malah turut juga berlaku antara sesama ahli keluarga.

Kisah Nabi Yusuf عَلَيْهِ السَّلَامُ yang dicampakkan oleh saudaranya ke dalam telaga di tengah padang pasir, menjadi bukti sifat dengki dan hasad ini. Mata dan hati terhibab sehingga sanggup melakukan keburukan kepada darah dagingnya sendiri. Kisah ini diabadikan di dalam Al-Quran menerusi firman Allah dalam surah Yusuf ayat 8 dan 9:

إِذْ قَالُوا لِيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِمَّا نَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾
أَقْتُلُوا يُوسُفَ أَوْ اطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهَ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا مِنْ بَعْدِهِ قَوْمًا
صَالِحِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “(Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): “Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna).” Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata.” (Ramai antara mereka berkata): “Bunuhlah Yusuf atau buanglah dia ke suatu tempat yang jauh supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata dan supaya kamu sesudah itu menjadi orang-orang yang baik dan berguna.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Dendam permusuhan dan kebencian akan menyebabkan hasad akan lebih menebal. Tambahan pula apabila perasaan tercabar melihat kelebihan orang lain sedangkan diri sendiri tidak memilikinya. Allah



سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengingatkan kita agar menjauhi sifat ini melalui firmannya dalam surah an-Nisa' ayat 32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَسْئَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Jika ingin melihat masyarakat hidup penuh dengan ketenteraman dan keharmonian, jauhkanlah dari hasad dan dendam. Sebarang persengketaan melibatkan perpecahan di kalangan masyarakat sangat dibimbangi oleh Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Langkah pertama dilakukan Baginda ketika hijrah adalah mempersaudarakan antara Aus dan Khazraj yang bermusuhan sekian lama. Langkah ini membuktikan kesungguhan baginda mencari titik pertemuan demi kesejahteraan komuniti.

Bahkan Baginda tidak teragak-agak untuk menghancurkan Masjid Dhirar yang diasaskan dengan tujuan memecah belahkan umat Islam,



kelemahan kekuatan Islam dan menentang Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan Rasul-Nya. Hasad dan dengki yang menjadi batu asas pembinaan Masjid Dhirar berakhir apabila diarahkan Saidina Malik bin Dukhsyum untuk membakar masjid tersebut.

Ayuh hayati peringatan Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* agar menjauhkan diri dari sifat hasad dan dengki ini. Sabda baginda:

لَا تَقَاطِعُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَحَاسِدُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا
وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ

Maksudnya: “Jangan kamu memutuskan silaturrahim, pulau memulau, dengki mendengki, hasad menghasad dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara. Dan adalah tidak wajar bagi seorang muslim saling tidak bertegur melebihi 3 hari.” ﴿Hadis Riwayat At-Tirmizi﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar membawa beberapa solusi utama sebagai langkah terbaik bagi mengatasi sifat hasad antaranya:

Pertama: Ucapkan tahniah dan tunjukkan rasa gembira setiap kali orang lain beroleh kejayaan.

Kedua: Kunjungi dan ucapkanlah takziah setiap kali orang lain mendapat bencana atau musibah.



Ketiga: Selalulah menziarahi dan berilah hadiah kepada jiran tetangga atau saudara mara kerana ia mampu melahirkan perasaan kasih sayang dan menjauhi permusuhan.

Keempat: Sentiasa berdoa kepada kepada Allah agar dihilangkan sifat hasad dari jiwa dan sanubari.

Kenapa kita perlu bergelumang dengan perasaan sakit dan resah lantaran melihat orang lain menikmati kebahagiaan sehingga mengganggu kesihatan mental dan jiwa. Ayuh kita tinggalkan sifat yang keji ini.

Bersihkan hati, lapangkan dada, berdamai dengan takdir dan redha dengan pembahagian rezeki yang disusun oleh Ilahi. Inilah rahsia tersirat bagi kebahagiaan diri dan kesihatan minda yang sejati. Mari renungi sejenak kisah Imam Al-Asma'ie (امام الأَصْمَعِي) sebagai teladan untuk kita bersama.

قَالَ الْأَصْمَعِي: رَأَيْتُ أَعْرَابِيًّا قَدْ أَتَتْ لَهُ مِائَةٌ وَعِشْرُونَ سَنَةً، فَقُلْتُ لَهُ:

مَا أَطْوَلَ عُمْرَكَ! فَقَالَ: تَرَكْتُ الْحَسَدَ فَبَقَيْتُ

Maksudnya: *Berkata Imam Al-Asmaei: "Suatu ketika aku bertemu seorang lelaki yang berumur 120 tahun. Lalu aku bertanya kepadanya: Apakah rahsia umur kamu yang panjang? Lalu dijawabnya "Aku tidak pernah ada perasaan hasad dengki kepada kepada sesiapa di dalam hatiku."*

Kisah ini sangat memberi inspirasi kepada semua agar meninggalkan sifat hasad dan dengki demi keceriaan hidup dan kebahagiaan abadi.



SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Sebagai kesimpulan daripada khutbah pada hari ini, mimbar memberikan tiga pesanan sebagai panduan bersama:

Pertama: Kita hendaklah sentiasa menyedari bahawa penyakit hasad dengki merupakan sifat mazmumah yang wajib dihindari.

Kedua: Kita hendaklah sentiasa mensyukuri anugerah dan nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Jangan sesekali cuba membandingkan diri kita dengan orang yang lebih tinggi kedudukannya.

Ketiga: Kita hendaklah rajin dan gigih berusaha untuk mencari rezeki. Yakin dengan ketentuan serta takdir Allah. Ingatlah Allah sangat menyayangi hamba-Nya dan tidak akan menzalimi mereka.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ① مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ② وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ③ وَمِنْ شَرِّ
الْكَفَّاتِ فِي الْعُقَدِ ④ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ⑤

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Dari bencana makhluk-makhluk yang ia ciptakan. Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk. Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembuskan hembusan pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya.”

﴿ Surah al-Falaq ayat 1-5 ﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Julai

2024M/ 1445H/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،
اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah!

Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;

Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang.

Ya Allah!

Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٩١﴾

